



NC menang Anugerah Buku Negara 2013

Buku Universiti: Watak, Budaya dan Citra hasil sudut pandang Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Profesor Dato' Dr. Daing Nasir Ibrahim terhadap cabaran pengurusan sebuah institusi pengajian tinggi menang Anugerah Buku Negara 2013 anjuran Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN) dengan kerjasama Perpustakaan Kuala Lumpur, Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan The Oxford Centre of Excellence (Oxcell), United Kingdom.

Dr. Daing Nasir menang Anugerah Buku Negara 2013 bagi kategori Anugerah Industri Buku Umum Terbaik (Pentadbiran) yang diterbitkan Penerbit UMP.

Anugerah disampaikan Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah pada Majlis Anugerah Buku Negara 2013 bersempena Expo Buku Malaysia 2013 dan International Book Conference (IBC) bertemakan 'Transformasi Industri Buku ke Arah Wawasan 2020' yang diadakan pada 11 Disember 2013 yang lalu di Dewan Tun Hussein Onn di Pusat dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur.

Menurut Profesor Dato' Dr. Daing Nasir, kepercayaan yang diberikan daripada pelbagai pihak termasuk daripada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia banyak memudahkan usaha penterjemahan dasar-dasar Kerajaan yang dizahirkan melalui inisiatif inisiatif strategik oleh pihak pengurusan universiti.

"Begitu juga dengan kepercayaan yang diberikan oleh Lembaga Pengarah Universiti dalam membolehkan inisiatif strategik ini dilaksanakan dengan penuh kebijaksanaan yang ditunjang kecekapan dan keberkesanan dalam melahirkan kepercayaan terhadap pemegang taruh dan pelanggan terhadap jenama UMP ini," katanya selepas menerima anugerah.

Paling utama katanya, kepercayaan besar keluarga UMP dalam menyelusuri perjalanan dan pengalaman sepanjang perjuangan dalam menginspirasikan karya ini yang berhasil sempena menyambut sedekad usia UMP menjelang 16 Februari 2012 yang lalu.

Buku suntingan pensyarah Fakulti Teknologi yang merupakan

Ketua Penyelidik kepada Naib Canselor UMP, iaitu Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain ini terbahagi kepada empat bahagian. Pertamanya menekankan aspek menekuni semangat universiti berfokus, diikuti dengan bahagian keduanya membangunkan universiti bagi keunggulan lestari.

Selain itu, buku ini juga mendedahkan mengenai budaya prestasi tinggi ke arah universiti pilihan utama dengan memberi tumpuan terhadap transformasi, migrasi dan penajaran manakala bahagian keempat adalah inovasi berdisiplin sepanjang migrasi yang membolehkan budaya kecemerlangan itu direka dengan acuannya sendiri dengan takungan kesarjanaan, kepakaran dan gaya kepimpinan bagi membina reputasi dan prestij sesebuah universiti itu.

Beliau mengharapkan kejayaan ini dapat memberi suntikan semangat dalam kalangan warga universiti dan pendidik untuk berkongsi idea dan kepakaran untuk kecemerlangan sesebuah organisasi.

Turut hadir Pengarah Penerbit UMP, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang.

